

Pakatan cabar Tee Yong bentang laporan audit dan kertas putih NFC seperti isu Talam
Malaysian Insider
6 September, 2012
Oleh Md Izwan

KUALA LUMPUR, 6 Sept — Ahli parlimen Pakatan Rakyat (PR) dalam sidang media hari ini mencabar ahli parlimen MCA Datuk Chua Tee Yong (gambar) untuk membentangkan laporan audit dan kertas putih melibatkan kontroversi Pusat Fidlot Nasional (NFC) selepas isu Talam yang dibangkitkannya telah dibuktikan bersih oleh badan audit bebas antarabangsa KPMG Transaction & Restructuring Sdn Bhd.

Pada sidang akhbar di ibu pejabat DAP, tiga wakil yang dilantik kerajaan Selangor iaitu Dr Dzulkefly Ahmad (PAS), William Leong (PKR) dan Tony Pua (DAP) turut menjemput pengerusi biro profesional muda MCA tersebut untuk berdebat di depan pengundinya sendiri di Labis pada 9 September ini.

Dalam laporan The Malaysian Insider semalam, menteri besar (MB), Tan Sri Khalid Ibrahim memberitahu kerajaan Selangor membuat keputusan komersial yang baik dalam penyelesaian untuk menyusun hutang Talam Corporation dan itu dibuktikan menerusi juru audit yang dilantik mereka, KPMG.

Namun, Tee Yong masih belum berpuas hati dengan laporan juru audit tersebut serta mempersoalkan kredibiliti KPMG dengan memberi contoh skandal mega Enron yang berlaku di Amerika Syarikat.

Pua menyifatkan tuduhan Tee Yong itu mencerminkan sikap tidak profesionalnya dan tidak setaraf dengan kelulusan akauntan bertauliah berdaftar (Australia) yang dimilikinya dan berharap dia berhenti daripada terus mengeluarkan kenyataan tak berasas.

"Dia selaku timbalan menteri pertanian dan industri asas tani sepatutnya bertanggungjawab ke atas kontroversi NFC.

"Saya cabar Tee Yong bentang laporan audit dan laporan kertas putih NFC di parlimen.

'Ikut jejak seperti kerajaan Selangor dan bukannya cakap kosong saja. Laporan menyeluruh Talam akan dibentangkan dalam sidang dewan pada November nanti,' kata Pua.

Menurut Pua lagi, pemimpin muda MCA tersebut cuba mewujudkan kekeliruan apabila bertindak seolah-olah mempunyai maklumat rahsia dan menyimpan dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan Talam.

Pua merujuk kepada komen daripada Tee Yong dalam laman sosial Twitter yang menuduh KPMG membuat laporan tidak menyeluruh dan mungkin tidak tepat kerana diberi dokumen yang terhad.

"KPMG diberikan akses penuh ke atas semua dokumen yang mereka perlukan untuk menyiasat," kata Pua lagi.

Dalam kenyataan kepada Bernama semalam, kerajaan Selangor mengakui pihak KPMG mendapati semakan terhadap kaedah kutipan hutang tertunggak berjumlah RM392 juta dari

Talam Corporation oleh kerajaan Selangor dilaksanakan dengan tertib, mengikut undang-undang, beretika dan menjaga kepentingan negeri, anak-anak syarikat serta rakyat Selangor.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-cabar-tee-yong-bentang-laporan-audit-dan-kertas-putih-nfc-seperti-isu-talam/>